

# Atlet UMS siap sedia bertarung

UB 12-5-2013 A15

KOTA KINABALU: Atlet kebanggaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersedia untuk bertanding bagi kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2013 yang akan berlangsung di Universiti Malaya pada bulan Mei ini.

Mereka ialah Pang Tsun Kuo, Nitas Camillus, Hafifie Febryan, Eldy Sham Irlon, Louis Muslin, Mohd Azlan Abu Bakar, Keneedy Japari, Max Anzie Jetol, Emmy Ahkim, Felnidiah Bte Lok Lassim, Merry Gabali, Asong Joseph

Semua atlet berkenaan menjalani persediaan iaitu latihan bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat dan sasaran yang telah mereka tetapkan dalam kejohanan tersebut, walaupun sibuk dengan masa kuliah namun atlet-atlet ini masih dapat mengimbangkan masa latihan seperti biasa demi mencapai prestasi terbaik pada Mei ini.

Emmy Ahkim yang mengambil acara 400m lari berpagar mempunyai sasaran untuk memperbaiki catatan masa terbaik peribadi beliau dengan catatan masa 64.21 saat dan seterusnya ingin mengekalkan pingat emas yang pernah disandang oleh beliau pada

Masum 2012 yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor bagi acara yang sama.

Emmy juga adalah atlet harapan Universiti Malaysia Sabah untuk merangkul pingat emas bagi kejohanan Masum 2013 ini.

Manakala Nitas Camillus yang juga pemegang rekod bagi acara 10,000 meter jalan kaki lelaki dengan catatan masa 58.48 saat pada Masum tahun lalu berhasrat untuk memperbaharui rekod catatan peribadi.

Para atlet yang bertanding pada Masum 2013 ini, masing-masing menyimpan sasaran secara individu, tambahan pula, atlet Universiti Malaysia Sabah mempunyai dua orang atlet tahun pertama sains sukan yang merupakan atlet kebanggaan negeri Sabah. Mereka ialah Merry Gabali memegang pingat gangsa bagi acara lompat kijang dengan catatan 11.70 meter dan Max Anzie Jetol yang turut beraksi pada Sukan Malaysia yang berlangsung di Pahang pada bulan Julai tahun lalu dengan mengutip pingat gangsa bagi acara merejam lembing dengan jarak 52.94 meter.